



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Drama 1400 (Nordin Hassan)

Sinopsis

Dollah yang capik menyuarakan rasa tidak puas hati atas sikap masyarakat yang menolaknya disebabkan harta dan kecacatannya. Dia berazam untuk menjadi kaya dan mengubah pendirian orang kampung.

Dollah bertemu dukun dengan menggunakan azimat daripada mayat ibunya. Hasil pertolongan dukun Dollah mendapat harta karun dengan pertolongan Jin. Dollah bertukar corak dengan memakai kaki palsu dan pakaian mahal serta mempunyai pembantu bernama Doli.

Pada peringkat awal peminangannya ditolak. Walaupun begitu dengan kekayaannya Dollah telah membina empayar yang luas dengan membeli tanah orang kampung. Dollah juga telah berkahwin dengan Intan Siti Rahimah yang beriman dan baik perangainya. Sikap Intan Siti Rahimah itu menyebabkan dia disayangi oleh orang surau dan orang kampung. Sebaliknya Dollah dibenci orang kampung kerana Dollah menindas orang kampung dan memelihara kuda yang banyak serta mengotorkan sungai dengan najis kuda yang menjadi sumber air penduduk kampung. Akibat pencemaran tersebut, penyakit merebak dan ramai penduduk kampung yang menggunakan air sungai yang tercemar itu mendapat zuriat yang cacat.

Dollah suka berburu, dia gembira dengan kehamilan isterinya dan meminta Intan Siti Rahimah makan makanan yang baik sahaja dan tidak mengambil makanan dari kampung tersebut.

Apabila anaknya lahir, anak itu cacat. Anak tersebut dibuang dan isterinya dihalau. Dollah telah bertemu dengan mayat ibunya yang minta dia bertaubat. Akhirnya semua harta kekayaannya hilang dan balik kepada keadaan asal.

Dollah bertemu semula dengan isterinya di kampung lain yang memperjuangkan Islam. Akhirnya Dollah hilang di laut dan Siti Rahimah mendoakan keselamatannya.

Pemikiran

Kekayaan mengubah sikap manusia ke arah kemungkar dan menindas golongan yang lemah. Dollah seorang pemuda yang asalnya miskin dan capik. Dia dipandang hina oleh masyarakat. Justeru dia berazam untuk menjadi kaya. Malangnya setelah hajatnya untuk menjadi kaya termakbul, sikap Dollah terus berubah. Dia sering menindas orang kampung. Dollah langsung tidak mempedulikan akibat pencemaran sumber air penduduk kampung yang berpunca dari najis kuda yang dipeliharanya. Dia juga tidak membenarkan isterinya bergaul dengan golongan susah. Dollah lupa daratan.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Persoalan

1. Persoalan kepincangan masyarakat memilih kepada orang yang berharta
2. Persoalan keimanan yang kukuh menjadi panduan pada kebaikan
3. Persoalan pencemaran sungai memberi kesan yang buruk kepada pengguna dan membawa penyakit
4. Persoalan penindasan kepada golongan yang lemah
5. Persoalan penipuan kepada orang yang kurang berilmu

Plot

Secara keseluruhannya, plot ini digarap mengikut kronologi. Terdapat empat peringkat garapan plot iaitu:

(i) Permulaan

- Memperkenalkan watak Dollah yang tempang, tiada berharta tetapi baik budi bahasa serta suka membantu. Dollah sering ditindas atas kelemahan dirinya menyebabkan dia ingin menjadi kaya. Nasihat Soud kepada Dollah supaya ikhlas membantu dan jangan mencari rezeki haram.

(ii) Perkembangan

- Dollah bertemu bomoh yang membantunya menggunakan azimat mayat ibunya bagi mendapatkan harta karun. Dollah berubah menjadi kaya dan berperwatakan orang yang mewah.

(iii) Konflik

- Pinangannya ditolak pada peringkat permulaan walaupun Dollah sudah kaya.
- Dollah mengambil tanah orang kampung dan memelihara kuda yang mencemar sungai dan membawa penyakit kepada penduduk kampung.
- Dollah disondol binatang ganjil dan Siti Rahimah melahirkan anak cacat lalu dibuang.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

(iv) Klimaks

- Dollah hilang kekayaan dan harta benda dan pertemuan dengan mayat ibunya yang meminta dia bertaubat atas segala perbuatannya.

(v) Peleraian

- Dollah insaf dengan kesalahan dan kembali beriman dengan bantuan Siti Rahimah yang ditemui semula di kampung lain. Walau bagaimanapun Dollah hilang di laut.

Teknik Plot

1. Kejutan

- Dollah bertemu dengan mayat ibunya
- Siti Rahimah melahirkan anak yang cacat dan hodoh

2. Suspens

- Dollah disondol binatang ganjil

3. Pemerian

- Manusiakah? Jinkah? Jembangkah! Apa dia! Kepalanya besar, telinganya panjang, matanya halus, berbulu di sana, berbulu di sini, tabik-tabik cakap ...

4. Imbas Kembali

- Dollah: Imah pernah tak ke tepi laut?

Siti Rahimah: Pernah, tapi lewat petang saja, apabila matahari hampir terbenam, sebelum maghrib. Waktu itu angin kerap kali sayu dan laut beranak ombak di gigi air. Pantai tak jauh.

5. Monolog

- Dollah: (Agak kehilangan akal pada mulanya, tetapi tiba-tiba dia berkata) Ya Allah, ampunlah dosaku. Berilah aku rahmat-Mu.

**Watak dan Perwatakan****Watak Utama****1. Dollah**

- Capik, miskin dan dihina masyarakat
- Seorang yang bertukar haluan apabila mempunyai kekayaan. Dollah sudah tidak mengambil berat tentang solat setelah dia menjadi kaya.
- Seorang yang menindas orang lemah. Dollah tidak membenarkan isterinya membantu orang-orang kampung mengajar anak-anak jirannya yang susah..
- Seorang yang sombong apabila mempunyai kekayaan. Dollah marah apabila semua pinangannya ditolak walaupun dia mempunyai harta yang banyak.

Watak Sampingan**1. Intan Siti Rahimah**

- Isteri Dollah
- Perempuan yang cantik
- Beriman dan baik tingkah laku disukai oleh semua orang. Intan Siti Rahimah menerima jempunan ke surau daripada isteri dan ibu-ibu pekerja mereka.

2. Abu Lahab

- Broker tanah
- Menipu orang kampung menjual tanah mereka untuk mengaut keuntungan. Abu Lahab hampir-hampir dikenakan hukuman ditanam hidup-hidup kerana menipu orang-orang kampung.

3. Pak Sudin

- Pekerja Dollah yang setia kepadanya. Pak Sudin terlalu setia kepada Dollah sehingga dianggap sebagai tali barut Tuan Dollah.

**Latar****1. Latar masa**

- Lewat petang (sebelum Maghrib) Siti Rahimah pergi ke tepi laut
- Minggu depan – Intan Siti Rahimah pergi mengajar anak-anak orang kampung di surau
- Petang – di surau, Dollah berbual dengan Pak Long

2. Latar tempat

- Kampung Kuala dan Kampung Kenanga – tempat Dollah membeli tanah dan memelihara kuda-kuda
- Sungai Nenek–airnya yang jernih telah tercemar dan dipanggil Sungai Kuda
- Surau – tempat Intan Siti Rahimah mengajar anak-anak orang kampung mengaji
- Di rumah pawang – Dollah meminta pertolongan mendapat azimat untuk menjadi kaya

3. Latar masyarakat

- Masyarakat yang mementingkan harta benda. Abu Lahab sanggup menipu orang kampung demi mengumpul harta kekayaan.
- Masyarakat yang sombong dengan kekayaan / kuasa. Dollah bangga dan sombong dengan kekayaan yang dimiliki .
- Masyarakat yang beriman dan taat pada perintah Tuhan. Maulana mengingatkan Dollah supaya menjadikan Al-Quran sebagai petunjuk.
- Masyarakat yang mementingkan diri . Dollah tidak membenarkan isterinya Intan Siti Rahimah membantu bergaul dengan orang susah.
- Masyarakat yang saling membantu. Intan Siti Rahimah ingin membantu keluarga pekerja Dollah yang susah dengan mengajar anak-anak mereka.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Gaya Bahasa

1. Simpulan Bahasa

- Besar hati, naik kepala, duri dalam daging

2. Repetisi

- Mereka, merekalah...
- Cakap, cakap, cakap, cakap ...

3. Personifikasi

- Kambing-kambing tersenyum

4. Kata Pinjaman

- Bahasa Inggeris
Order, secret, you, I
- Bahasa Arab
Fajar, sidik, hijrah

Nilai

1. Nilai kesabaran

Contoh:

- Soud meminta Dollah agar bersabar dengan hinaan orang kampung.

2. Nilai tolong-menolong

Contoh:

- Intan Siti Rahimah menolong anak orang kampung mengajar mengaji.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

3. Nilai menghargai barangan tempatan

Contoh:

- Dollah yang tidak menggunakan batu mamar dari Langkawi untuk membuat rumah sebaliknya memilih batu mamar dari Itali.

4. Nilai kasih sayang antara suami isteri

Contoh:

- Tuan Dollah menjaga isterinya yang sedang mengandung dengan baik.

5. Nilai ketaatan

Contoh:

- Intan Siti Rahimah mendengar arahannya suaminya iaitu Dollah semasa mengandung.

Pengajaran

1. Kita hendaklah mencari rezeki atau harta yang halal. Abu Lahab mengumpul harta dengan menipu orang kampung dan akhirnya mereka telah dimasukkan dalam tahanan.
2. Kita janganlah menindas golongan yang lemah atau miskin. Dollah dihina oleh masyarakat kampung sehingga tidak ada orang yang mahu menerima pinangannya kerana dia capik dan miskin.
3. Kita perlu menjaga keindahan alam sekitar. Dollah mencemarkan sungai dengan najis-najis kuda yang dipeliharanya.
4. Kita hendaklah taat dan menunaikan perintah Allah. Maulana mengingatkan Dollah supaya mentaati Allah dan bukannya menurut nafsu.
5. Kita hendaklah insaf dan bertaubat atas segala kesalahan yang telah kita lakukan. Abu Lahab dan isterinya insaf atas perbuatan mereka menipu orang kampung. Mereka berjanji akan memulangkan harta orang kampung semula.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Tingkatan 5

Latihan

1. Mengapakah Dollah meminta bantuan daripada bomoh?

Jawapan: untuk membantunya menggunakan azimat mayat ibunya bagi mendapatkan kekayaan.

2. Apakah makanan kesukaan Intan Siti Rahimah semasa mengandung?

Jawapan: udang galah, ikan sungai dan pucuk paku.